



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

7 Oktober 2019

1. Kesal nama diguna anjur kempen isu ainaya haiwan; Harian Metro
2. Tuah anak lembu baka Limousine; Kosmo
3. Tuah anak lembu sado; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal	Muka Surat	24	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 7.10.2019			

Kesal nama diguna anjur kempen isu aniaya haiwan

Seremban: Wartawan akhbar berbahasa Cina membuat laporan polis, kelmarin, selepas namanya digunakan pihak tertentu konon mahu menganjurkan kempen isu penganiayaan haiwan di padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini, bulan depan.

Wong Chui Han, 31, yang juga sukarelawan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) menyelamatkan haiwan berkata, dia mengetahui perkara itu selepas menerima WhatsApp daripada seorang rakan sukarelawannya.

Katanya, penganjuran kempen itu yang dijadualkan pada 4 November de-

pan disebarkan di laman sosial Facebook (FB).

“Saya tidak pernah merancang mengadakan kempen itu. Malah, saya tidak tahu siapa yang menggunakan nama saya dan tujuan berbuat demikian.

“Individu tidak bertanggungjawab itu turut menamakan agensi akhbar saya bekerja sebagai pengajur kempen berkenaan,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Wong berkata, dia kesal dengan tindakan individu yang menyebarkan maklumat palsu itu dan tampil membuat laporan di Balai Polis Jalan Campbell, di sini, kelmarin.


MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara	Muka Surat	16	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input checked="" type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
7.10.2019			

Tuah anak lembu baka Limousine

BESUT - Seorang penternak lembu tidak menyangka penyertaan kali pertama pada pertandingan lembu sado membawa tuah apabila memenangi kategori terbaik Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran Jabi semalam.

Mohamad Nurudin Abdullah, 53, dari Kampung Kemal, Pasir Putih, Kelantan berkata, lembu sado yang diperlukuan itu baru berusia 39 hari.

"Anak lembu saya ini dari pada baka Limousine. Sebelumnya saya menyertai pertandingan lembu sado ada pihak menawarkan RM4,000 bagi membelinya, namun saya keberatan."



MOHAMAD NURUDIN (empat dari kanan) bersama anak lembu sadonya yang memenangi kategori terbaik pada Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran Jabi, Besut semalam.

"Sudah pasti saya tidak akan menjualnya selepas ini berikutan kemenangan ini kerana anak lembu sado tersebut membawa tuah dan memberi rezeki kepada kami sekeluarga," katanya ketika ditemui *Kosmo!* selepas mene-

rima hadiah pada Himpunan Lembu Sado Pantai Timur di Dataran Jabi dekat sini semalam.

Kejayaan itu membolehkannya menerima hadiah berupa seekor lembu bernilai RM5,000 dan wang tunai RM500 daripada Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim.

Sebanyak 77 lembu sado dari seluruh Terengganu, Kelantan dan Pahang bertanding pada pertandingan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri dan Persatuan Penternak Ruminan Negeri Terengganu.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Tengah		Muka Surat	26
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input checked="" type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
7.10.2019			

Oleh Nurul Fatihah Sulaini
bhnews@bh.com.my

Jertih

Gelagat comel seekor anak lembu berusia 39 hari mencuri tumpuan pengunjung Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2019 di Dataran Jabi di sini, hingga dinobatkan johan kategori *Best Of The Best*.

Pemilik ternakan berkenaan, Mohd Nor Rudin Abdullah, 53, dari Kampung Kemal Pasir Putih, Kelantan, berjaya, pada mulanya dia mendaftar anak lembu baka Charolais digelar Limousine Kemal bertanding bagi kategori *Prince of Sado*, namun menjadi johan kategori lain.

"Jika diikutkan saya sudah membela lembu baka Charolais sejak 25 tahun lalu, tetapi belum pernah memenangi sebarang pertandingan dan ini penyertaan sungguh saya."

Meskipun usia Limousine Kemal baru sebulan lebih, fizikalnya yang sado seperti lembu berusia enam bulan ke atas menarik perhatian pengunjung.

"Penjagaan ternakan baka ini berbeza dengan lembu kampung, saya kena mandikan Limousine Kemal sekurang-kurangnya sekali sehari supaya suhu badannya tidak tinggi berikutkan cuaca panas," katanya, semalam.

Kemenangan itu melayakkan Mohd Nor Rudin mem-

bawa pulang hadiah seekor lembu bernilai RM4,000, wang tunai RM500 dan piala iringan.

Sementara itu, juara keseluruhan kategori *King Of Sado* milik lembu baka Charolais digelar Abu berusia tiga tahun dibela Amirul Firdaus Sasfarizam, 17, dari Kampung Gong Terap, Setiu.

Amirul meluahkan rasa gembira kerana kemenangan dikecapi adalah untuk kali yang kedua dalam tempoh selang seminggu.

Katanya, sebelum ini lembu baka Belgium Blue dinamakan Bulat miliknya dinobatkan juara pertandingan lembu sado kategori senior atau *King Of Sado* sempena Himpunan Lembut Sado (HPPNT) 2019 di lokasi sama.

"Jika diikutkan saya mahu hantari dua penyertaan, tapi kali ini saya bawa Abu saja kerana Bulat demam. Saya mula membeli Abu lima bulan lalu, bagi memastikan ternakan ini kekal sihat dan cergas sa-ya perlu

Terengganu (HPPNT) 2019 di lokasi sama.

"Jika diikutkan saya mahu hantari dua penyertaan, tapi kali ini saya bawa Abu saja kerana Bulat demam. Saya mula membeli Abu lima bulan lalu, bagi memastikan ternakan ini kekal sihat dan cergas sa-ya perlu

memandikannya tiga kali sehari iaitu pada waktu pagi, petang serta malam.

"Saya memperuntukkan RM500 sebulan bagi menyediakan 10 kilogram dedak dan rumput sehari, selain memberi suntikan vitamin dengan pemantauan daripada Pejabat Veterinar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, penganguran kali pertama Pertandingan Lembu Sado peringkat pantai timur berjaya menghimpunkan 77 ternakan daripada Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Katanya, program dijalankan dengan kerjasama kerajaan negeri, Persatuan Ruminan Terengganu dan Jabatan Veterinar Terengganu.

Tuah anak lembu sado

Ternakan berusia 39 hari didaftar kategori lain muncul juara kategori lain

Limousine Kemal dimandikan sekurang-kurangnya sekali sehari